

Headline	Setuju naik tarif air		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,107
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,321



Setuju naik tarif air

Dijangka dilaksanakan tahun ini, kebanyakan kerajaan negeri menyatakan persetujuan

KUALA LUMPUR

Kenaikan tarif air dijangka dapat dilaksanakan pada tahun ini, berikutan kebanyakan kerajaan negeri menyatakan persetujuan dengan cadangan tersebut.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar bagaimanapun berkata, kadar kenaikan masih dalam perbincangan kerana setiap negeri mempunyai kadar tarif berbeza dan ada juga yang tidak pernah menyemak semula selama berpuluh tahun.

"Saya nampak banyak kerajaan negeri setuju. Ada satu atau dua negeri sahaja tidak bersetuju lagi, teta-

pi kita akan berbincang dengan mereka.

"Namun, saya boleh memberi jaminan ia tidak akan membebankan rakyat, dan ia akan bagi manfaat untuk rakyat dengan adanya air bersih untuk diminum," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan Indah Water Konsortium (IWK) di sini, semalam.

Ditanya sama ada kadar kenaikan akan ditetapkan pada 20 peratus seperti dipertimbangkan oleh Pulau Pinang, beliau berkata: "Tengoklah bagaimana, masih ada masa untuk kita bincangkan mengenai kadar tarif, kalau 20 peratus itu dirasakan sangat tinggi kita boleh turunkan sedikit."

Menurutnya, kerajaan berharap perundingan antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air (Span) dan kerajaan-kerajaan negeri berhubung perkara itu dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.



Xavier menunjukkan produk BioPellens untuk menghasilkan bahan tanaman berkualiti dan perladangan hutan pada sidang media, semalam.

Sementara itu, Xavier berkata, penggabungan bil air dan bil rawatan kumbahan IWK di Labuan mencatatkan kejayaan apabila kutipannya meningkat daripada 40 peratus kepada 93 peratus sejak langkah tersebut diperkenalkan pada 2016.

Justeru katanya, beliau percaya jika langkah itu diperluas ke seluruh negara, IWK dapat menampung kos

operasinya, sekali gus kerajaan dapat mengurangkan subsidi berjumlah RM150 juta setiap tahun.

"Pada tahap ini, kami tidak boleh terus menyokong mereka dan kita mesti cari jalan untuk menyelesaikan isu IWK. Kita lihat dengan pengebilan bersama ini tiada masalah untuk penduduk membuat pembayaran sekali gus," katanya.

Terdahulu, IWK yang diwakili

Saya nampak banyak kerajaan negeri setuju. Ada satu atau dua negeri sahaja tidak bersetuju lagi, tetapi kita akan berbincang dengan mereka." - Xavier

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Faizal Othman dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mahmod menandatangani MoU untuk penggunaan sisa kumbahan terawat iaitu biopepejal sebagai baja bagi tanaman tidak boleh dimakan.

Xavier berkata, ia boleh digunakan untuk program penghutan semula, di ladang getah dan juga pokok-pokok yang ditanam oleh majlis perbandaran.

"Kita harap ia dapat dikomersilkan suatu hari nanti," katanya. - Bernama